

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 JULY 2017

Jaga mulut, jangan buka aib

UM - 9/7/2017 Pg. 2

BAGAN DATUK 8 Julai - Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi meminta Tun Dr. Mahathir Mohamad supaya menjaga mulut daripada memper-tikaikan serta memburuk-burukkan kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir akan lebih dihormati jika berkelakuan baik, menjaga batas dan tatasusila serta akhlak dalam politik serta menjaga mulut dengan tidak bercakap perkara yang menyinggung perasaan orang lain.

Tegasnya, sebagai manusia biasa, Dr. Mahathir juga ada kele-

mahan dan kesilapan yang dilakukan sepanjang 22 tahun men-tadbir negara, namun semua itu ditutup oleh UMNO demi menghormati jasa-jasanya.

Naib Presiden UMNO yang menjalankan tugas Timbalan Presiden itu berkata, tindakan mengkritik UMNO dan kerajaan sudah melampaui batas dan beliau meminta bekas Perdana Menteri itu tidak bersikap habis madu sepah dibuang, sebaliknya mengenang jasa UMNO yang terlalu banyak kepadanya.

Jelasnya, jika Dr. Mahathir tidak suka kepada UMNO seka-

lipun, jangan hancurkan UMNO dengan tindakannya yang sering mengutuk parti.

“Beliau buka aib pemimpin sekarang, jangan lupa kita juga pernah tutup aib beliau. Jangan sampai kita pula buka aib dan pekung beliau. Kita tidak mahu membuka pekung itu dan kita tahu apa yang beliau lakukan dengan pelbagai kelemahan yang kita tahu. Macam-macam kita boleh buka,” katanya ketika merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Bagan Datuk di Wisma UMNO Bagan Datuk, Hutan Melintang hari ini.